

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1987/88

ATW 101 PERAKAUNAN KEWANGAN I

Tarikh: 26 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 jam)

Jawab SEMUA soalan di bahagian A dan DUA soalan di bahagian B.

BAHAGIAN A

Soalan 1

Berikut disenaraikan baki lejar untuk 1985 bagi Syarikat Perdagangan Import-Eksport. Syarikat menutup akaun-akaunnya satu kali setahun iaitu pada 31 Disember.

<u>Akaun</u>	<u>Baki</u>
Tunai	\$ 26,000
Akaun belum terima	96,000
Inventori, lhb Januari	160,000
Insurans bayar dahulu	4,000
Bekalan pejabat	1,800
Tanah	35,000
Bangunan	100,000
	...2/-

Susutnilai terkumpul, bangunan	20,000
Nota belum bayar	80,000
Akaun belum bayar	60,000
Saham biasa \$1 nilai tara; 25,000 syer telah diterbitkan	25,000
Bayaran lebih dari tara	75,000
Perolehan tertahan	94,800
Jualan	658,000
Pulangan jualan dan elaun	42,000
Diskaun jualan	16,000
Belian	431,000
Pulangan belian dan elaun	23,000
Diskaun belian	8,000
Pengangkutan-masuk	10,000
Belanja iklan	5,000
Belanja gaji	110,000
Belanja pelbagai	7,000

Lain-Lain Maklumat

1. Syarikat menambahkan modal dengan menerbitkan 20,000 syer saham Biasa, \$1 nilai tara, dengan harga \$3 satu syer.
2. Insurans belum tamat tempoh \$1,500.
3. Bekalan pejabat belum diguna berjumlah \$800.
4. Bangunan dijangka mempunyai usiaguna 20 tahun dan nilai sisaan \$20,000 (Guna kaedah garis lurus).
5. Peruntukan hutang ragu ialah 3% daripada Akaun belum terima.

...3/-

6. Dividen \$0.50 satu syer diisytiharkan pada 31hb Disember.
7. Cukai pendapatan untuk tahun 1985 ialah \$7,500.
8. Inventori pada 31hb Disember \$140,000

Dikehendaki

1. Sedia dan lengkapkan ruang-ruang untuk:
 - (a) Timbang duga sebelum pelarasan.
 - (b) Pelarasan
 - (c) Timbang duga selepas pelarasan.
2. Sediakan catatan jurnal untuk melaras dan menutupkan akaun inventori berasaskan sistem berkala.
3. Sediakan penyata berikut:
 - (a) Penyata pendapatan berperingkat.
 - (b) Penyata perolehan tertahan.
 - (c) Kunci kira-kira.

(40 markah)

Soalan 2

- (a) Bezakan antara pertubuhan perniagaan berbentuk perkongsian dan jenis bersyarikat. Apakah antara kebaikan-kebaikan pertubuhan yang berbentuk syarikat?
- (b) Terangkan mengenai konsep usaha berterusan dan apakah kepentingannya semasa merekod aset?
- (c) Terangkan mengenai Konsep Pengiktirafan. Berikan contoh di mana sesebuah syarikat boleh mengiktirafkan Hasil selain daripada masa jualan dibuat.

...4/-

- (d) Terangkan kegunaan Penyata Perubahan Kedudukan Kewangan. Apakah maklumat yang boleh didapati daripada penganalisan penyata ini yang tidak boleh didapati daripada penyata lain?

(20 markah)

...5/-

BAHAGIAN B

Jawab DUA soalan di bahagian B.

Soalan 3

- (a) Pada awal tahun 1980, Ahmad Merican dan rakan-rakan menubuhkan Syarikat Kesihatan Perwira. Syarikat dibenarkan menerbitkan 50,000 syer saham terutama dengan nilai tara \$100, dan \$400,00 syer saham biasa dengan nilai tara \$2. Berikut disenaraikan sebahagian daripada urusan yang berlaku di dalam tahun 1980:

- 6 Januari Menerbitkan 20,000 syer saham biasa pada harga \$14 satu syer. Saham-saham itu diterbitkan kepada Encik A. Merican dan 10 orang pelabur lain.
- 7 Januari Menerbitkan 500 syer saham biasa kepada En. A. Merican untuk perkhidmatannya semasa menubuhkan syarikat. Pemegang-pemegang saham bersetuju bahawa tugasnya bernilai \$7,000.
- 12 Januari Menerbitkan 2,500 syer saham terutama untuk tunai berjumlah \$250,000.
- 4 Jun Menukar 15,000 syer saham biasa untuk mendapatkan tanah. Pengarah bersetuju untuk menilaikannya dengan harga \$15 satu syer.
- 15 November Dividen sebanyak \$10 satu syer diisytiharkan ke atas saham terutama.
- 20 Disember Membayar dividen tunai yang telah diisytiharkan pada 15 November.
- 31 Disember Selepas segala hasil dan belanja ditutup kepada akaun ringkasan pendapatan, akaun itu menunjukkan jumlah pendapatan bersih sebanyak \$90,500.

...6/-

Dikehendaki:

- (i) Sediakan catatan jurnal untuk urusanniaga di-atas serta catatan penutup bagi akaun ringkasan pendapatan dan akaun dividen pada 31hb Disember.
 - (ii) Sediakan bahagian ekuiti pemegang saham seperti pada 31 Disember, 1980.
- (b) Pada 31hb Oktober 1984, Syarikat Kaca Permata dibenarkan untuk menerbitkan 300,000 syer saham biasa dan mempunyai 200,000 syer yang telah diterbitkan dengan nilai tara \$10 sesyer. Bayaran lebih dari tara berjumlah \$3,500,000. Perolehan tertahan berjumlah \$5,600,000. Pengarah mengisytiharkan 5% saham dividen semasa harga pasaran saham bernilai \$40 sesyer. Selepas saham dividen diisytiharkan, pengarah Syarikat kemudian mengisytihar dan membayar dividen tunai sebanyak \$3 sesyer.

Dikehendaki:

- (i) Journalkan urusanniaga dividen.
- (ii) Sediakan bahagian ekuiti pemegang saham selepas berlakunya kedua-dua urusanniaga dividen.

(20 markah)

...7/-

Soalan 4

- (a) Syarikat menjual \$300,000 barangniaga secara kredit pada lhb Oktober dengan syarat jualan 2/10, n/40.

Dikehendaki:

- (i) catatan jurnal untuk merekodkan jualan dengan menggunakan kaedah kasar dan bersih.
MBT 30/10/21 MBT 30/10/21
Jualan 300,000 Jualan 300,000
 - (ii) rekodkan pembayaran oleh pelanggan pada lhb. Oktober dengan menggunakan kaedah kasar dan bersih.
 - (iii) Andaikan urusan (ii) tidak berlaku, rekodkan pembayaran oleh pelanggan pada 6hb November dengan menggunakan kaedah kasar dan bersih.
- (b) Dengan mengandaikan beberapa jenis pengaliran inventori, berikut disenaraikan jumlah inventori untuk 3 tahun pertama syarikat ini dijalankan:

<u>Akhir tahun</u>	<u>MDKD</u>	<u>MKKD</u>	<u>Kos Purata</u>
1	\$2,900	\$2,500	\$2,650
2	4,100	3,700	3,900
3	3,500	3,300	3,450

Dikehendaki:

Jawab soalan berikut dengan memberikan pengiraan sebagai penyokong atau lain-lain alasan.

- (i) Pada tahun pertama, kaedah yang manakah akan melaporkan jumlah cukai pendapatan yang paling tinggi.

...8/-

- (ii) Untuk tahun kedua, kaedah manakah akan melaporkan keuntungan kasar yang paling tinggi.
 - (iii) Untuk tahun ketiga, kaedah mana akan melaporkan pendapatan yang paling rendah.
 - (iv) Pada tahun ketiga, berapakah perbezaan dan ke arah manakah (bertambah atau berkurangan) jumlah keuntungan kasar yang dilaporkan dibawah kaedah masuk dahulu, keluar dahulu berbandingkan dengan kaedah kos purata.
 - (v) Kaedah mana akan melaporkan jumlah pendapatan yang paling tinggi sekiranya jumlah untuk ketiga-tiga tahun itu digabungkan.
- (c) Sediakan jurnal pelarasan pada 31 Disember 1986 untuk maklumat yang memerlukan catatan bagi Hotel Peranginan.
- (i) Gaji pekerja \$10,000 belum lagi dibayar.
 - (ii) Pada 16 Disember beberapa bilik telah disewakan kepada sebuah Syarikat untuk 6 bulan dengan kadar bulanan berharga \$1,600. Sewa untuk 6 bulan ini dikutip secara terdahulu. Sediakan pelarasan pada 31hb Disember.
 - (iii) Pada 1 November hotel membuat pinjaman bank \$90,000. Pada 31 Disember bunga terakru keatas nota sebanyak \$1,800.
 - (iv) Hotel membeli van pada 1hb September dengan harga \$9,600. Ia boleh digunakan untuk 4 tahun dan tidak mempunyai nilai sisaan.
 - (v) Pada 31 Disember, Hotel menandatangani untuk menempatkan peserta bagi seminar Perumahan pada bulan Mac tahun hadapan. Hotel menganggar akan mendapat hasil sebanyak \$15,000 bagi penempahan ini.

...9/-

(d) Pada minggu pertama 1984, Syarikat telah menjual mesin dengan harga \$47,000. Mesin itu dibeli pada lhb Januari, 1981 dengan harga \$580,000 dan telah disusutnilaikan dengan kaedah jumlah angka-angka tahun. Usia kegunaan mesin ialah 5 tahun dan mempunyai \$30,000 nilai sisaan.

Dikehendaki:

- (i) Cari jumlah susutnilai terkumpul pada tarikh jualan dibuat.
- (ii) Apakah jumlah nilai buku untuk mesin pada tarikh jualan?
- (iii) Catatan jurnal untuk merekod jualan.

(20 markah)

Soalan 5

Berikut ialah kunci kira-kira secara perbandingan antara tahun 1985 dan 1986 untuk Syarikat Wei-Wah Berhad.

<u>Aset</u>	<u>1986</u>	<u>1985</u>
Tunai	\$ 62,750	\$ 82,400
Akaun belum terima	148,200	119,200
Inventori	216,350	236,100
Belanja bayar dahulu	4,500	3,900
Tanah	100,000	100,000
Bangunan	633,300	458,300
S/N(T), bangunan	(202,500)	(185,000)
Mesin dan Peralatan	250,000	250,000

...10/-

<u>Aset</u>	<u>1986</u>	<u>1985</u>
S/N (T), mesin dan peralatan	\$(130,600)	\$(108,400)
Paten	50,000	62,500
	<u>\$1,132,000</u>	<u>\$1,019,000</u>
	=====	=====

Liabiliti dan EPS

Akaun belum bayar	36,280	51,780
Dividen belum bayar	25,000	40,000
Gaji belum bayar	18,480	12,480
Nota cagaran belum bayar	100,000	-
Bon belum bayar	-	80,000
Saham biasa, \$10 nilai tara	450,000	400,000
Bayaran lebih dari tara	80,000	50,000
Perolehan tertahan	422,240	384,740
	<u>\$1,132,000</u>	<u>\$1,019,000</u>
	=====	=====

Maklumat tambahan untuk 1986:

- (a) Pendapatan bersih \$62,500
- (b) Belanja susutnilai yang dilaporkan di dalam penyata pendapatan, bangunan \$17,500; Mesin dan peralatan \$22,200.
- (c) Pelunasan paten \$12,500 telah dilaporkan di dalam penyata pendapatan.
- (d) Nota cagaran \$100,000 diterbitkan untuk pembinaan bangunan yang berharga \$175,000; lebihannya dibayar tunai.
- (e) 5,000 syer saham biasa diterbitkan dengan harga \$16 sesyer untuk menjelaskan bon belum bayar.

...11/-

(f) Dividen tunai \$25,000 diisytiharkan.

Dikehendaki:

- (i) Sediakan jadual perubahan modal kerja.
- (ii) Sediakan penyata perubahan kedudukan kewangan berasaskan modal kerja untuk 1986.
- (iii) Sediakan penyata perubahan kedudukan kewangan berasaskan tunai untuk 1986 (masukkan juga ringkasan perubahan baki tunai).

(20 markah)

- oooOooo -

